

# UNDANG-UNDANG JENAYAH SUMBANG MAHRAM DI MALAYSIA: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Nur Aina Abdulah <sup>i</sup>, Nur Al-Farhain Kamaruzaman <sup>ii</sup>, & Mashitah Abdul Mutalib <sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Penulis Koresponden). Pensyarah. Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.  
nuraina.abdulah@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah. Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.  
farhain@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah. Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.  
mashitahmutalib@usim.edu.my

## Abstrak

*Sumbang mahram atau inses merupakan jenayah yang berat dalam Islam yang mana ia merupakan hubungan seksual terlarang yang dilakukan dengan ahli keluarga terdekat yang mempunyai ikatan darah atau nasab keturunan. Ia merupakan perbuatan terkutuk bukan sahaja dari segi agama dan moral, malah merendahkan martabat manusia setanding haiwan. Permasalahan kajian adalah kes sumbang mahram yang tinggi setiap tahun yang menyebabkan kebimbangan dan rasa tidak selamat, meskipun Malaysia telah mempunyai peruntukan undang-undang khusus berkaitan jenayah ini. Persoalannya, adakah peruntukan undang-undang yang sedia ada tidak cukup mencegah jenayah ini? Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis undang-undang sumbang mahram di Malaysia dari perspektif syariah. Metodologi kajian kualitatif digunakan dengan reka bentuk analisis kandungan. Hasil kajian mendapati hukuman yang diperuntukkan dalam perundangan Malaysia masih tidak dapat mencegah jenayah ini daripada berleluasa disebabkan ia tidak seberat hukuman yang telah digariskan di dalam syariat Islam.*

Kata kunci: *jenayah, rogol, sumbang mahram, zina*

## PENGENALAN

Jenayah sumbang mahram di Malaysia adalah jenayah yang berlaku saban tahun dan berada pada tahap yang membimbangkan. Statistik kes sumbang mahram yang dilaporkan dalam tempoh 2018 ke 2020 menunjukkan sebanyak 825 kes telah berlaku di seluruh negeri di Malaysia (Harian Metro, 26 Januari 2021). Menurut kamus, sumbang mahram ditakrifkan sebagai perbuatan zina yang berlaku antara dua orang anggota terdekat dalam sesebuah keluarga (Dewan Bahasa dan Pustaka, t.t). Undang-undang

Kanun Keseksaan, seksyen 376A pula mentakrifkan sumbang mahram sebagai persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang mana hubungan tersebut adalah dilarang di sisi undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan. Manakala, mahram di dalam Islam membawa maksud seseorang yang dilarang (haram) untuk dikahwini sama ada melalui nasab keturunan, penyusuan, dan persemendaan (hubungan kekeluargaan disebabkan perkahwinan) (Al-Nawawī, 1997; Al-Sharbini, 2005). Sabiq (1998) menegaskan bahawa perlakuan sumbang mahram adalah hubungan yang merendahkan martabat kedudukan manusia setanding haiwan. Ia adalah jenayah yang sangat keji dan besar dosanya di sisi Islam.

Kajian tentang sumbang mahram masih lagi terhad disebabkan oleh kesukaran untuk mendapatkan angka kes yang tepat (Mohd Idham Mohd Yusof dll., 2015). Kebanyakan kes sumbang mahram tidak dilaporkan disebabkan mangsa terperangkap dalam dilema, takut berhadapan dengan stigma masyarakat dan masalah kebergantungan ekonomi seperti kes bapa dan anak (Asmida Ahmad & Nur Fazini Asro bt Ramzi Sulaiman, 2017; Salina Nen *dll.*, 2012). Sementara itu, Anis Suhiaza Md Salleh (2010) mendakwa bahawa peruntukan undang-undang berkaitan jenayah sumbang mahram yang terdapat dalam Kanun Keseksaan 376A dan 376B adalah tidak cukup menyeluruh dan menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat awam. Ini kerana seksyen 376B adalah peruntukan untuk kesalahan sumbang mahram yang dilakukan dengan persetujuan bersama, yang mana tiada mangsa dalam kes ini. Manakala, sekiranya sumbang mahram itu dilakukan tanpa persetujuan atau secara paksa, ia akan disabitkan di bawah hukuman rogol, seksyen 376(3). Malah, peruntukan undang-undang sumbang mahram ini terdapat pertindihan antara Kanun Keseksaan dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah di bawah mahkamah Syariah negeri-negeri. Oleh sebab itu, Norbani Mohamed Nazeri (2010) menyatakan konflik pertindihan bidang kuasa ini perlu diselesaikan segera dengan memberikan keutamaan kepada Kanun Keseksaan berdasarkan kepada skop hukuman yang lebih luas berbanding mahkamah Syariah.

Zulfakar Ramlee (2005) mencadangkan hukuman sumbang mahram yang berbentuk sederhana sahaja. Ini kerana sekiranya hukuman yang dikenakan berat, kemungkinan mangsa akan menyembunyikan perbuatan pemangsa, terutamanya dalam kes bapa dan anak, demi untuk menyelamatkan bapanya dan faktor kebergantungan punca pendapatan keluarga. Walau bagaimanapun, Asmida Ahmad & Nur Fazini Asro

bt Ramzi Sulaiman (2017) mencadangkan hukuman yang sangat berat sebagai pengajaran kepada pesalah dan pencegahan kepada masyarakat umum. Manakala, sekiranya ia adalah kes rogol yang melibatkan kekerasan dan ugutan, Shabbir (2004), Azman Mohd Noor (2009), Jamaludin Mustaffa & Kamarudin Ngah (2015), Zulfakar Ramlee (2005), Nik Rahim Nik Wajis (1998) mencadangkan hukuman mati sebagai hukuman paling efektif dalam memberikan pencegahan.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Data diperolehi daripada kandungan kitab fiqh turath dan kontemporari, akta-akta perundangan di Malaysia, di samping artikel jurnal yang berkaitan. Ia kemudiannya dianalisis secara tematik mengikut keperluan kajian.

## **HASIL DAN PERBICANGAN**

Undang-undang berkaitan sumbang mahram di Malaysia termaktub dalam dua peruntukan, iaitu; Kanun Keseksaan dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (mengikut negeri-negeri). Pertama, undang-undang berkaitan sumbang mahram mengikut Seksyen 376A dan 376B, Kanun Keseksaan (Akta 574) adalah seperti berikut;

### **376A. Sumbang mahram**

Seseorang itu dikatakan melakukan sumbang mahram jika seorang lelaki atau seorang perempuan melakukan persetubuhan dengan orang lain di mana hubungan lelaki dan perempuan itu adalah tidak dibenarkan, di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan yang berkait bagi lelaki dan perempuan tersebut, untuk berkahwin dengan orang lain.

### **376B. Hukuman bagi sumbang mahram**

- (1) Barangsiapa yang melakukan sumbang mahram hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari sepuluh tahun dan tidak lebih daripada tiga puluh tahun, dan hendaklah juga dikenakan sebatan.
- (2) Ianya hendaklah menjadi pembelaan kepada tuduhan terhadap seseorang di bawah seksyen ini sekiranya dibuktikan :-

- (a) Bahawa lelaki atau perempuan itu tidak mengetahui bahawa orang yang lelaki atau perempuan itu mengadakan persetubuhan itu adalah seseorang yang hubungan dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan yang berkaitan bagi lelaki atau perempuan tersebut untuk berkahwin dengan orang itu; atau
- (b) Bahawa perbuatan persetubuhan telah dilakukan tanpa persetujuan lelaki atau perempuan itu.

Berdasarkan kepada akta di atas, hukuman minimum yang diperuntukkan adalah mandatori sepuluh tahun penjara dan sebatan. Hukuman ini sebenarnya telah dinaikkan dari minimum enam setelah pindaan dibuat. Seksyen ini adalah terpakai bagi kesalahan sumbang mahram yang dilakukan dengan kerelaan (tanpa paksaan) kedua-dua pihak lelaki dan perempuan. Manakala, sekiranya sumbang mahram ini dilakukan dengan paksaan atau dengan kata lain 'rogol', maka, kesalahan ini akan menggunakan Akta 376(3) yang memperuntukkan hukuman minimum adalah mandatori lapan tahun penjara dan sepuluh sebatan.

Kedua, peruntukan undang-undang yang terdapat dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri. Berikut adalah salah satu contoh akta yang terdapat dalam Seksyen 20, Akta 559, Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997, Bahagian IV- Kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan:

#### Seksyen 20. Perbuatan Sumbang Mahram

Mana-mana orang yang melakukan perbuatan sumbang *mahram* adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Berdasarkan kepada akta di atas, hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan sumbang mahram adalah hukuman maksimum yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Syariah mengikut Akta 355, Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Disebabkan masalah bidang kuasa yang terhad dalam mahkamah syariah, maka, kebanyakan kes sumbang mahram akan dibawa ke mahkamah di bawah persekutuan.

Sementara itu, hasil analisis terhadap literatur syariah dalam kitab-kitab Fiqh turath dan kontemporer mendapati bahawa para fuqaha' berbeza pendapat tentang hukuman bagi kesalahan sumbang mahram. Pendapat pertama, fuqaha' dari mazhab Hanafi, Maliki dan Syfi'e mengatakan bahawa hukumannya adalah sama seperti hukuman zina (Ibn Qudamah, 2009), iaitu sebatan sebanyak seratus kali bagi pesalah *ghair muhsan* (belum berkahwin) dan rejam sehingga maut bagi pesalah *muhsan* (sudah berkahwin). Dalil hukuman sebatan kepada pesalah zina *ghair muhsan* berdasarkan kepada ayat al-Quran seperti berikut:

الرَّانِيَةُ وَالرَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ ۖ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ وَلِيَشْهَدَ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: "Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman" (Surah al-Nur, 24:2).

Manakala, dalil hukuman rejam kepada pesalah zina *muhsan* pula adalah berdasarkan kepada hadis Nabi(ﷺ) seperti berikut:

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " وَاعْدُ يَا أُنَيْسُ إِلَى امْرَأَةٍ هَذَا، فَإِنْ اعْتَرَفَتْ فَارْجُمُهَا "

Maksudnya: "Wahai Unais, pergilah kepada isteri lelaki ini, sekiranya dia mengaku bersalah (melakukan zina), maka rejamlah dia" (Al-Bukhārī, 2001).

Pendapat kedua pula, Ibn Hazm (2004) dari mazhab Hanbali dan fuqaha' kontemporer, Zaidan (2000) dan Sabiq (1998), mengatakan bahawa pesalah sumbang mahram hendaklah dihukum bunuh dan dirampas hartanya serta diserahkan kepada baitul mal (institusi kewangan awam orang Islam) sama ada statusnya *muhsan* atau *ghair muhsan*. Dalil hukuman bunuh dan serahan harta ini berdasarkan kepada hadis Nabi(ﷺ) seperti berikut:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " مَنْ وَقَعَ عَلَى ذَاتِ مَحْرَمٍ فَاقْتُلُوهُ "

Maksudnya: "Sesiapa yang melakukan hubungan seksual bersama mahramnya, maka hendaklah dibunuh" (Ibn Majah, 1999)

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ قُسَيْطٍ الرَّقِّيُّ، حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرٍو، عَنْ زَيْدِ بْنِ أَبِي أَنْبَسَةَ، عَنْ عَدِيِّ بْنِ ثَابِتٍ، عَنْ يَزِيدِ بْنِ الْبَرَاءِ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ لَقِيتُ عَمِّي وَمَعَهُ رَايَةٌ فَقُلْتُ لَهُ أَيْنَ تُرِيدُ قَالَ بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى رَجُلٍ نَكَحَ امْرَأَةً أَبِيهِ فَأَمَرَنِي أَنْ أَضْرِبَ عُنُقَهُ وَأَخَذَ مَالَهُ .

*Al-Barra Bin `Azib berkata: Saya telah bertemu dengan pakcik saya dan dia memegang panji, lalu saya bertanya kepadanya: "Ke manakah pakcik hendak pergi?" Maka, dia menjawab: "Aku telah diutuskan oleh Nabi Muhammad menuju kepada seorang lelaki yang berkahwin dengan isteri bapanya untuk dihukum bunuh dan dirampas hartanya" (Al-Nasa'i, 2000; al-Tirmidhi, 2011).*

Walaupun bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa dalam Islam, sekiranya perbuatan sumbang mahram itu dilakukan dengan paksaan atau rogol, hanya pesalah sahaja yang akan dikenakan hukuman. Maka, melihatkan kepada dalil dan penghujahan kedua-dua pendapat para fuqaha' di atas, penulis lebih cenderung untuk memilih pendapat kedua, iaitu hukuman bunuh ke atas pesalah sumbang mahram. Ini adalah kerana hukuman tersebut mampu mencegah jenayah tersebut sama ada kepada diri pesalah, mahupun masyarakat umum. Hukuman tersebut dilihat dapat memberikan pengajaran dan menjaga kemaslahatan awam sesuai dengan kes-kes sumbang mahram yang tinggi dilaporkan dewasa ini.

## KESIMPULAN

Jenayah sumbang mahram merupakan kesalahan yang terkutuk dan sangat keji di sisi moral, apatah lagi agama. Oleh itu, peruntukan undang-undang berkaitan hukuman sumbang mahram ini perlulah suatu hukuman yang sangat berat bagi menggambarkan kejahatannya sepertimana yang digariskan dalam Islam. Hukuman sedia ada dalam peruntukan undang-undang yang termaktub dalam Kanun Keseksaan, apatah lagi Akta Kesalahan Jenayah Syariah negeri, masih tidak cukup untuk mencegah dan menjadi pengajaran kepada penjenayah itu sendiri, mahupun masyarakat umumnya.

## RUJUKAN

Al-Quran

Akta 559, Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

- Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail (2001). *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*. Damascus, Syria: Dar Tauq Al-Najah.
- Al-Nasa'i, Ahmad bin Shuaib bin Ali (2000). *Sunan Al-Nasa'i*. Riyadh, Saudi Arabia: Dar al-Salam.
- Al-Nawawī, Muhyiddin Yahya bin Sharaf (1997). *Al-Majmu` Sharh Al-Muhazzab*. Beirut, Lubnan: Dar al-Minhaj.
- Al-Sharbini, Muhammad Ahmad Al-Khatib (2005). *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma`rifah Alfāz al-Minhāj*. Cairo, Egypt: Dar al-Nahdah al-`Arabiah.
- Asmida Ahmad, & Nur Fazini Asro bt Ramzi Sulaiman. (2017). *Consensual Incest: The Legal Environment in Malaysia*. International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled, 1(1990), 9–15.
- Anis Suhiaza Md Salleh. (2010). *Elemen Persetujuan dalam Kesalahan Sumbang Mahram di Malaysia: Satu Analisa*. Malayan Law Journal Articles, 1, 1–6.
- Azman Mohd Noor. (2009). *Punishment for Rape in Islamic Law*. Malayan Law Journal Articles, 5(cxiv), 1–9.
- Jamaludin Mustaffa, & Kamarudin Ngah. (2015). *Jenayah Rogol, Isu dan Penyelesaian*. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Ibn Hazm, Abu Abdullah Ali bin Ahmad bin Sai'ed (2004). *Al-Muhalla bi al-Athar*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-`Ilmiah.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid Al-Rabi`i (1999). *Sunan Ibn Mājah*. Riyadh, Saudi Arabia: Dar al-Salam.
- Ibn Qudamah, Abdullah Ahmad Muhammad (2009). *Al-Mughni*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-`Ilmiah.
- Mohd Idham Mohd Yusof, Nasreen Miza Hilmy, Hazariah Yais Razali, & Jeniwaty Mohd Judy. (2015). *Social Stigma of Incest in Malaysia*. International Academic Research Journal of Social Science, 1(2), 112–117.
- Nik Rahim Nik Wajis. (1998). *Jenayah Rogol di dalam Undang-undang Islam*. Jurnal Syariah, 6, 73–80.

Norbani Mohamed Nazeri. (2010). *Criminal Law Codification and Reform in Malaysia : An Overview*. Singapore Journal of Legal Studies.

Sabiq, Sayyid (1998). *Fiqh al-Sunnah*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.

Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Suzana Mohd Hoesni, & Zaizul Abdul Rahman. (2012). *Kajian Kes Inses Bapa-Anak Perempuan: Memahami Pengalaman dari Perspektif Mangsa*. Journal of Social Sciences and Humanities, 7(1), 46–58.

Shabbir, M. (2004). *Outlines of Criminal Law and Justice in Islam*. Petaling Jaya, Malaysia: International Law Book Service.

Undang-undang Malaysia, Akta 574, Kanun Keseksaan.

Zaidan, Abdul Karim (2000). *Al-Mufaṣṣal fi Ahkām al-Mar’ah wa al-Bait al-Muslim*. Beirut, Lubnan: Resalah Publisher.

Zulfakar Ramlee, Mohd Hisham Mohd Kamal (2005). *Kesalahan Rogol dan Sumbang Mahram dari Sudut Pembuktian dan Hukumannya menurut Undang-undang Islam*. Jurnal Undang-Undang.